

03 FEB 1999

WEF-TUTUP (Satu komentar)

LEBIH RAMAI PEMIMPIN DUNIA TERIMA PANDANGAN REFORMASI KEWANGAN M'SIA

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS, 3 Feb (Bernama) -- Ketika mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) melabuhkan tirainya di pusat peranginan ski di sini hari ini, jawatankuasa penganjur dan peserta akan berfikir sejenak sama ada mereka telah berjaya menyusun asas bagi ekonomi global yang lebih baik yang kini sedang menghadapi pergolakan.

Bagaimanapun, apa juga tanggapan, Malaysia, yang terjejas teruk akibat daripada kegawatan ekonomi, telah melakukan apa yang perlu dilakukan daripada segi melanjutkan lagi kepentingannya serta ekonomi sedang membangun dalam menggesa agar pasaran kewangan dikawal selia dengan lebih ketat.

Tanpa digugat oleh cuaca sejuk yang hampir mencapai suhu -22 darjah selsius pada satu ketika, Malaysia memperhebatkan kempen terhadap isu tersebut sejak hari pertama forum itu pada Jumaat lalu.

Apa yang menggembirakan adalah lebih ramai pemimpin-pemimpin dunia mula menerima pandangan Malaysia mengenai betapa perlunya mempunyai pasaran kewangan yang dikawal selia dengan lebih ketat bagi menghalang manipulator daripada terus memiskinkan negara-negara yang menjadi mangsa mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengambil pendekatan bahawa dagangan matawang lebih banyak membawa keburukan berbanding kebaikan dalam ekonomi dunia dengan penuh keyakinan menyuarakan hal itu di hadapan peserta WEF lain untuk mencari penyelesaian global bagi menangani krisis tersebut.

Sesetengah daripada mereka mungkin masih mengingati bahawa beliau telahpun membuat gesaan seumpama itu pada September 1997 tetapi pada waktu itu pandangannya tidak mendapat maklum balas malahan beliau sendiri dianggap sebagai mengenepikan peranan kuasa pasaran.

"Dunia boleh hidup tanpa sikap pemusnah seperti yang dimiliki oleh mereka," kata Dr Mahathir sebagai mengulangi semula kata-katanya.

Menurutnya, jika dunia benar-benar percaya kepada keamanan, demokrasi dan keadilan kepada semua, dagangan matawang mestilah dihapuskan ataupun dibendung.

"Barulah kemudiannya kita akan menyaksikan pemulihan semula ekonomi dunia dan pengagihan kekayaan yang seimbang," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri kini sudah menemui sekutunya iaitu Chancellor Jerman, Gerhard Schroeder yang menyatakan spekulator telah mengacau bilaukan pasaran saham serta keseluruhan ekonomi.

Pemimpin Jerman itu yang baru memegang tampuk pemerintahan negara pada penghujung tahun lalu berkata, kuasa spekulatif telah membawa kemusnahan kepada keseluruhan ekonomi dan ketidakstabilan yang merbahaya di seluruh dunia.

Dengan menyatakan walaupun pedagang matawang terkemuka George Soros mengakui sepatutnya terdapat kawal selia dalam sistem kewangan dunia, Schroeder berkata ketika ini adalah masa yang sesuai bagi dunia untuk lebih serius dalam membentuk kerangka kewangan baru.

Satu mesyuarat Kumpulan Tujuh (G-7) akhir bulan ini akan membincangkan mengenai perkara itu dengan lebih terperinci.

Ketika kuasa-kuasa Barat dengan disokong oleh laporan media yang berat sebelah, mungkin memikirkan dan mahu membuat orang lain percaya bahawa keseluruhan idea seumpama itu datang daripada mereka, Malaysia seharusnya berbangga bahawa idea reformasi matawang yang dicetuskan oleh Dr Mahathir di mana pada suatu ketika pernah dianggap sebagai mustahil, kini mula

mendapat perhatian di kalangan pemimpin-pemimpin dunia.

Dengan diiringi oleh semangat "Malaysia Boleh" (Malaysia Can), rombongan perwakilan Malaysia ke forum WEF telah berjaya mengutarakan isu terbabit dengan penuh keyakinan.

Penasihat Bank Negara Malaysia, Nor Mohamed Yakcop, yang memberi ucapan dalam satu daripada sesi forum itu berkata, pengawalan pasaran kewangan bukanlah sesuatu yang baru. Sebagai contoh, peraturan dalam bentuk undang-undang sekuriti dalam negeri yang wujud ketika ini di hampir setiap negara terhadap memesongkan sekuriti dalam negeri.

Kini, krisis kewangan telah menjejaskan negara-negara seperti Rusia dan Brazil serta dana lindung nilai seperti Long Term Capital Management (LTCM) dan kuasa-kuasa Barat mahu membendung masalah itu lebih awal sebelum ia merebak ke negara mereka. Contoh yang boleh dilihat adalah inisiatif Bank Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang menurunkan kadar faedah tiga kali apabila krisis dana lindung nilai LTCM mula mengancam mereka.

Tetapi apa yang dilakukan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika negara-negara Asia Timur dilanda oleh krisis? Ia sebaliknya menggesa kadar faedah dinaikkan dan penutupan bank-bank yang akhirnya membawa kepada keadaan yang tidak stabil.

Hakikat yang nyata adalah apabila institusi Barat menghadapi masalah, arahan serta cara menangani yang lembut dan berhati-hati telah dibuat. Tetapi apabila negara-negara Asia mengalami keadaan yang serupa, mereka telah diberitahu bahawa mereka mesti akur dengan realiti getir kuasa pasaran itu.

Ketika Dr Mahathir begitu jelas menuding jari ke arah dana lindung nilai kerana "menumpahkan darah" dalam pasaran kewangan terutama apabila ia mampu memperolehi dana sehingga lebih daripada 200 ganda modal mereka, Setiausaha Perbendaharaan AS Robert Rubin tidak pula menonjolkan isu itu di Davos.

Rubin, yang menjadi peniaga di Wall Street selama 26 tahun, berkata beliau tidak percaya dana lindung nilai menjadi faktor besar kepada krisis itu.

Bagaimanapun beliau merumuskan bahawa kegiatan lindung nilai "mungkin menguatkan pergerakan pasaran dalam beberapa kes untuk tempoh tertentu" dan itulah caranya mereka memperolehi pinjaman mereka bagi membeli dengan harapan untuk membuat keuntungan.

Oleh itu, tidakkah ia sesuatu yang sering disuarakan oleh Dr Mahathir sebelum ini?

Dr Mahathir juga mendapat sokongan daripada Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, yang juga mengecam spekulator dalam kenyataannya. Dengan menyatakan dunia Barat terlalu mengagungkan kapitalisme, beliau menambah, "bagi saya kapitalisme tidak akan dapat memberikan kesemua jawapan,"

Jalan menuju ke arah kerangka kewangan baru masih lagi jauh dan berliku-liku tetapi Malaysia telah mengambil langkah pertama dalam mencetuskan perbahasan di peringkat tertinggi mengenai keperluan bagi reformasi kewangan.

-- BERNAMA

SHY ZK MA